

28/03/2001

Chong berazam majukan pertanian, basmi kemiskinan

KOTA KINABALU, Selasa - Ketua Menteri Sabah, Datuk Chong Kah Kiat mengangkat sumpah hari ini, berjanji akan memberi tumpuan khusus kepada sektor pertanian, membasmi kemiskinan di kalangan penduduk di luar bandar dan membangunkan sektor pelancongan dalam tempoh dua tahun perkhidmatannya.

Chong berkata, masalah kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar terutama di kawasan utara Sabah dan kawasan lain di negeri ini perlu diatasi segera.

"Saya melantik dua pembantu menteri bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu Datuk Masrani Parman dan Datuk Norjan Khan Bahadar bagi membantu menterinya, Datuk Nasir Sakaran melaksana pelbagai program bagi mengatasi masalah kemiskinan di kawasan terbabit.

"Malah pemilihan Adun Bengkoka, Masrani dari kawasan utara Sabah yang masih dicengkam kemiskinan menunjukkan kerajaan membasmi perhatian serius bagi mengatasi masalah berkenaan. Masrani akan memberi fokus kerja membasmi kemiskinan di utara Sabah manakala Norjan di kawasan lain yang memerlukannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pertamanya selepas mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri di pejabat kementeriannya di sini petang ini.

Chong mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri di hadapan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri pagi ini, manakala di sebelah petang barisan Kabinet negeri yang baru mengangkat sumpah jawatan di tempat sama.

Chong yang turut mengekalkan jawatan Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi berkata, sektor pelancongan yang memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi Sabah perlu diberi perhatian khusus.

"Sektor pelancongan banyak memberi sumbangan kepada ekonomi negeri, berikutan itu saya akan memberi perhatian penuh kepada usaha menggiatkan industri berkenaan di negeri ini," katanya.

Menurutnya, sektor pertanian turut menjadi fokus utama dalam membangunkan negeri Sabah, sebab itu ia mempunyai dua pembantu menteri yang dapat memberi perhatian khusus kepada pembangunan pertanian di negeri ini.

Chong yang juga dilantik sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah berkata, semua pemimpin parti komponen BN memberi sokongan padu kepadanya untuk memimpin kerajaan.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang menyebabkan wujudnya Ketua Menteri 'itik tempang', Chong berkata, penduduk akan menjadi hakim dalam tempoh dua tahun beliau menjawat jawatan berkenaan.

(END)